

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(VI)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

5. Tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang tidak mencukupi merupakan satu masalah yang dihadapi penganut-penganut dan kerajaan terutamanya di kawasan Air Itam.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri mengenal pasti tapak RIBI yang mencukupi untuk menempatkan semula rumah ibadat supaya lebih teratur dan tersusun?
- (b) Nyatakan bilangan RIBI yang berdaftar/tidak berdaftar mengikut daerah dan lokasi.

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

5. (a) Kerajaan negeri telah menetapkan bahawa perancangan bagi suatu kawasan pembangunan baharu perlu menyediakan tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) sebagaimana penyediaan kemudahan lain seperti surau, masjid dan dewan serbaguna semasa Permohonan Kebenaran Merancang. Ini bagi memastikan tapak RIBI adalah mencukupi dan RIBI lebih teratur dan tersusun.

Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Perbadanan Ketua Menteri (CMI) dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) juga mempunyai tapak-tapak RIBI yang boleh disewa/dijual kepada mana-mana persatuan dan penganut agama selain agama Islam. Permohonan bagi tapak ini mestilah dibuat melalui MBPP,

MBSP, CMI dan PDC dan mendapat kelulusan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang dipengerusikan oleh YB. Pengerusi Jawatankuasa MMK Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa.

- (b) Sejumlah 1206 RIBI yang berdaftar dengan kerajaan negeri. Bilangan RIBI yang berdaftar mengikut daerah adalah seperti berikut:

Daerah	Bilangan RIBI
DTL	548
DBD	101
SPU	213
SPT	206
SPS	138
JUMLAH	1206

Perincian bilangan RIBI yang berdaftar mengikut daerah dan KADUN adalah seperti di **LAMPIRAN A**. Kerajaan negeri tidak mempunyai maklumat bilangan RIBI yang tidak berdaftar mengikut daerah dan lokasi.

SENARAI RIBI MENGIKUT KADUN**(a) Daerah Timur Laut**

BIL	KADUN	JUMLAH
1	Tanjung Bungah	32
2	Datuk Keramat	33
3	Seri Delima	31
4	Komtar	23
5	Pulau Tikus	16
6	Sungai Pinang	34
7	Air Putih	25
8	Air Itam	62
9	Pengkalan Kota	74
10	Paya Terubong	48
11	Batu Lanchang	82
12	Padang Kota	31
13	Kebun Bunga	34
14	Batu Uban	23
	JUMLAH	548

(b) Daerah Barat Daya

BIL	KADUN	JUMLAH
1	Batu Maung	23
2	Pantai Jerejak	22
3	Teluk Bahang	6
4	Pulau Betong	19
5	Bayan Lepas	31
	JUMLAH	101

(c) Daerah Seberang Perai Utara

BIL	KADUN	JUMLAH
1	Sungai Puyu	62
2	Bagan Jermal	58
3	Permatang Berangan	9
4	Teluk Air Tawar	15
5	Bagan Dalam	30
6	Pinang Tunggal	14
7	Bertam	13
8	Sungai Dua	8
9	Penaga	4
	JUMLAH	213

(d) Daerah Seberang Perai Tengah

BIL	KADUN	JUMLAH
1	Perai	19
2	Machang Bubuk	60
3	Bukit Tengah	22
4	Padang Lalang	36
5	Permatang Pasir	14
6	Seberang Jaya	17
7	Berapit	29
8	Penanti	9
	JUMLAH	206

(e) Daerah Seberang Perai Selatan

BIL	KADUN	JUMLAH
1	Sungai Acheh	12
2	Sungai Bakap	22
3	Jawi	54
4	Bukit Tambun	50
	JUMLAH	138